

08 NOV 1998

Mahathir-ekonomi

YAKINI DASAR EKONOMI KERAJAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu yakin terhadap dasar dan tindakan kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata kebanyakan orang ramai sedar bahawa usaha kerajaan ialah untuk kepentingan negara bagi mengekalkan nikmat yang mereka kecapai sejak empat dekad yang lalu daripada hasil pembangunan.

Beliau berkata demikian dalam buku cenderamata pada persidangan mengenai Pemulihan Ekonomi Negara menerusi Tabungan Insurans Nyawa di sini. Dr Mahathir diwakili oleh Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed merasmikan persidangan itu hari ini.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan memerlukan sokongan dan keyakinan penuh sektor awam dan swasta.

Beliau berkata 1998 merupakan tahun yang sukar dan mencabar setelah krisis kewangan Asia mula berlaku lebih setahun lepas.

"Kita telah menyaksikan ekonomi kita merosot," katanya.

Pada Julai lepas, kerajaan melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Kebangsaan bertujuan menstabilkan ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan dan mengukuhkan asas ekonomi.

Lebih 5,000 agen insurans mewakili 18 syarikat insurans menghadiri persidangan sehari itu yang bertujuan membolehkan mereka memahami peranan masing-masing dalam membantu kerajaan memulihkan ekonomi menerusi tabungan.

-- BERNAMA

ARA MAI